



UNTUK SIARAN SEGERA

1.3 Juta Langkah Menghampiri Sebuah Negara yang Sihat Jantung

14,788 rakyat Malaysia berjalan bersama-sama secara maya menerusi acara NESTLÉ OMEGA PLUS Walk A Million Miles demi kesihatan jantung mereka dan pesakit jantung yang memerlukan

Petaling Jaya, 23 September 2020 – Acara **Walk A Million Miles** anjuran NESTLÉ OMEGA PLUS yang kini memasuki minggu ketiga, menyaksikan sejumlah 14,788 rakyat Malaysia mengorak langkah memerangi kolesterol tinggi demi melangkah ke arah negara yang sihat jantung.

Sebagai peneraju dalam kesihatan jantung, NESTLÉ OMEGA PLUS melancarkan acara berjalan secara maya pada awal bulan ini bersempena dengan Bulan Jantung Sedunia. Gerakan ini selari dengan usahanya bagi mewujudkan kesedaran terhadap kesihatan jantung, di samping menawarkan satu penyelesaian mudah agar rakyat Malaysia dapat mengambil langkah pertama dalam penjagaan kesihatan jantung mereka dengan berjalan bersama-sama sebagai sebuah negara.

Setakat 18 September 2020, sejumlah 533,337 batu (bersamaan 1.3 juta langkah) telah berjaya dicapai. “Kami berasa bangga dengan kemajuan yang dicapai rakyat Malaysia dalam acara **Walk A Million Miles** setakat ini dan gembira kerana ini dilakukan bukan sahaja buat jantung mereka masing-masing, tetapi juga untuk para pesakit jantung yang memerlukan,” kata Lam Pui Yuee, Pegawai Eksekutif Perniagaan, Unit Perniagaan Susu, Nestlé (Malaysia) Berhad.

Setelah sasaran 1 juta batu acara **Walk A Million Miles** berjaya dicapai, NESTLÉ OMEGA PLUS akan menyalurkan sumbangan RM100,000 kepada rakan kerjasama kesihatan jantungnya, Yayasan Jantung Malaysia (YJM) dan Yayasan Institut Jantung Negara (IJNF) untuk menyokong pesakit jantung yang memerlukan.

“YJM dan IJNF telah menjadi rakan kerjasama pelbagai inisiatif kesihatan jantung kami sejak sekian lama kerana kami, di NESTLÉ OMEGA PLUS, cukup mengambil berat akan isu ini. Kini, kita masih ada satu minggu lagi sebelum berakhirnya Bulan Jantung Sedunia. Oleh itu, kami menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia, marilah kita mengambil tindakan hari ini juga dengan menyertai **Walk A Million Miles**, bukan sahaja demi kesihatan jantung kita sendiri, tetapi juga mereka yang memerlukan,” tambah Lam.

Salah seorang penerima IJNF, Azri bin Adam, 49, yang bekerja sendiri telah disahkan menghidap penyakit jantung sejak tahun 2014. “Akibat gaya hidup dan tabiat pemakanan saya yang tidak sihat pada masa lalu, saya kini perlu kerap berkunjung ke IJN. Pemakanan yang seimbang dan gaya hidup aktif adalah sangat penting. Saya sangat terharu apabila mengetahui rakyat Malaysia berjalan bersama-sama untuk memberi sokongan kepada pesakit jantung seperti kami,” kata Azri.

Muttukumar A/L G. Krisnan, 62, penyelia tapak pembinaan yang telah bersara, juga merupakan salah seorang benefisiari yang menerima bantuan IJNF. Disahkan menghidap penyakit jantung



pada umur 42 tahun, Muttukumar sering pengsan di tempat kerja, dan akhirnya telah dirujuk ke IJN akibat komplikasi penyakit jantung.

Tabiat pemakanan yang tidak sihat, waktu kerja yang panjang, dan kekurangan senaman merupakan antara faktor yang menyumbang kepada keadaan beliau sekarang. “Berilah perhatian kepada kesihatan anda! Saya berharap pengalaman saya akan memberi inspirasi kepada lebih ramai orang untuk menjaga diri mereka dengan lebih baik,” kata Muttukumar yang juga telah berhenti merokok dan mengambil minuman keras demi menjaga kesihatannya.

Selepas diagnosis, Muttukumar mula mengawal pengambilan makanannya dan mengurangkan minuman manis. Sebagai seorang bapa kepada dua orang anak, beliau percaya hubungan kekeluargaan yang sihat merupakan satu lagi faktor penting dalam meningkatkan keseluruhan kesihatan kita. “Selain mengawal diet anda, pastikan anda meluangkan lebih banyak masa dengan orang yang tersayang, dan jangan hanya fokus pada kerja sahaja.”

Dengan tinggal hanya satu minggu sahaja, NESTLÉ OMEGA PLUS menggalakkan semua rakyat Malaysia untuk berjalan demi jantung mereka dan orang yang tersayang, di samping menyokong satu misi yang murni sempena Bulan Jantung Sedunia ini. Sesiapa sahaja boleh mengambil langkah pertama dengan menyertai **Walk A Million Miles** dan berjalan setiap hari mengikut rentak masing-masing, bagi memulakan satu tabiat baru yang dapat diterapkan ke dalam rutin penjagaan kesihatan jantung kita.

Sepanjang bulan September ini, kempen **Walk A Million Miles** NESTLÉ OMEGA PLUS akan menganjurkan satu siri acara bagi meraikan Bulan Jantung Sedunia, serta mengingatkan rakyat Malaysia mengenai kepentingan penjagaan kesihatan jantung. Antara program menarik yang disediakan ialah siaran langsung sesi senaman bersama Sharifah Sakinah dan Zul Ariffin, serta demonstrasi resipi sihat jantung oleh cef selebriti Dato' Fazley Yaakob, menerusi rancangan Helo Doktor di TV3, pada 27 September, 5.30 petang. Rakyat Malaysia juga boleh menonton siaran langsung sesi ini secara dalam talian di tonton.com.my.

NESTLÉ OMEGA PLUS bertekad memerangi kolesterol tinggi dan membantu Malaysia melangkah ke arah menjadi sebuah negara yang sihat jantung. Bagi mengawal tahap kolesterol dalam rutin penjagaan kesihatan jantung, pengambilan dua hidangan NESTLÉ OMEGA PLUS setiap hari, yang mengandungi ActiCol®, 1.2g sterol tumbuhan, terbukti berkesan merendahkan tahap kolesterol¹. ActiCol® dapat membantu mengurangkan penyerapan kolesterol dalam badan.

Bagi menjaga kesihatan jantung dengan NESTLÉ OMEGA PLUS dan berikrar untuk berjalan 1 juta batu bersama-sama melalui **Walk A Million Miles**, sila layari www.dearnestle.com.my.

###

Tentang NESTLÉ OMEGA PLUS

NESTLÉ OMEGA PLUS satu-satunya susu yang mengandungi ActiCol®, 1.2g sterol tumbuhan yang

¹ *Thomsen AB, et al. Eur J Clin Nutr 2004; 58:860-870



terbukti berkesan untuk merendahkan tahap kolesterol dengan menghalang penyerapan kolesterol ke dalam aliran darah. Susu kurang lemak itu juga tinggi dalam kalsium bagi menguatkan tulang dan mengandungi asid lemak Omega 3 & 6 yang penting. Dua hidangan setiap hari yang dipadankan dengan gaya hidup sihat terbukti secara saintifik dapat merendahkan tahap kolesterol¹ Ia terdapat dalam format pek serbuk 150g, 600g dan 1kg, serta kluster enam pek UHT sedia diminum 200ml. Kini juga terdapat dalam format paket (10 dalam satu pek), NESTLÉ OMEGA PLUS Milk with Oats dengan kebaikan 2 ramuan ActiCol® untuk menghalang penyerapan kolesterol dan Beta Glukan untuk bergabung dan menyingkirkan kolesterol daripada tubuh.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sosial <https://www.facebook.com/NestleOmegaPlus/>
Tentang Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan ibu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 negara di seluruh dunia dan semua pekerja kami seramai 328,000 orang komited dalam membantu mencapai tujuan Nestlé untuk meningkatkan kualiti hidup dan mencapai masa depan yang lebih sihat. Matlamat kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak tahun 1912, Nestlé telah dipercayai oleh pengguna kami menerusi jenama-jenama dan produk-produk kami yang berkualiti. Kami komited dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di mana saja kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal. Ini selaras dengan janji kami dalam memberikan “GOOD FOOD, GOOD LIFE” kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana kami telah membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan sihat selama lebih satu abad, sila layari www.nestle.com.my atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>

Untuk pertanyaan media, hubungi:

NESTLÉ (MALAYSIA) BERHAD

Maxine Lim

Tel: (+603) 7965 5185

Emel: Maxine.Lim@my.Nestlé.com

OGILVY MALAYSIA

Emilina Jedin

Tel: (+6018) 287 1458

Emel: farhaemilina.jedin@ogilvy.com